

2

TEORI-TEORI KOGNITIF

PENGENALAN

Pada masa dahulu, apabila memperkatakan tentang sikap, manusia tidak dikaitkan dengan bidang psikologi walaupun kajian terhadapnya telah dilakukan sekian lama. Pada awalnya, idea-idea ahli psikologi memikirkan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh naluri, diikuti pula dengan teori tingkah laku yang mengatakan manusia menghasilkan tingkah laku adalah kesan daripada pembelajaran kerana manusia dianggap seperti mesin dan minda manusia adalah kosong. Setelah timbul kesedaran bahawa otak manusia adalah berfungsi untuk melahirkan tingkah laku, maka lahirlah teori-teori yang mengkaji bagaimana minda manusia memainkan peranannya. Berikut dengan itu juga kajian mengenai sikap dan tingkah laku manusia dijalankan.

Pendekatan kognitif menekankan pada proses mental dalaman. Maklumat yang diterima diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan maklumat lain yang sedia ada dalam ingatan. Penyatuan maklumat ini kemudian akan diubah dan disusun semula. Hasil pemikiran bergantung pada proses mental dalaman tersebut. Ahli-ahli psikologi kognitif menekankan bahawa kita bukanlah penerima rangsangan-rangsangan yang pasif. Sebaliknya otak kita akan memproses secara aktif maklumat yang diterima dan menukarkan maklumat kepada bentuk atau kategori baru. Seseorang individu itu seharusnya memaksimumkan penggunaan minda mereka supaya mereka dapat menjadi pemikir yang aktif. Sebagai manusia yang telah dikurniakan otak untuk berfikir, kita seharusnya dapat bertindak balas dengan sewajarnya apabila menerima sesuatu maklumat dan bersedia pula untuk berubah sikap jika kita dapati bahawa idea kita sebelum ini adalah salah atau negatif.

Teori-Teori / Model

Teori-Teori / Model yang membincangkan tentang perubahan sikap ialah :

- 1 Model Respons Kognitif (Kognitif respons Theory)

- 2 Teori Kognitif Percanggahan (Percanggahan Cognitive Theory)
- 3 Teori Perkembangan Kognitif (Cognitive Development Theory)

Latar Belakang Anthony G. Greenwald

Pelopop asat Teori Kognitif Respons ini ialah Anthony G. Greenwald. Dari tahun 1965 hingga 1986 beliau menjadi pembantu pensyarah di Jabatan Psikologi, Universiti Ohio. Kemudian, beliau merupakan pensyarah di Jabatan Psikologi, Universiti Washington dari tahun 1986 hingga sekarang.. Beliau pernah belajar di kolej Yale dan Universiti Harvard dan kemudian memperoleh Ph. D beliau dalam tahun 1963. Beliau menjadi penyunting dalam Jurnal Personaliti dan Psikologi Sosial dari tahun 1977 – 1979. Dari tahun 1998 – 2004, beliau memenangi anugerah sains di Institut Kebangsaan Kesihatan Mental. Beliau juga mengarang beberapa jurnal artikel yang memberi implikasi dalam sikap dan perubahan sikap, kognitif sosial, kognitif ketidaksedaran, sikap dan kognitif sosial, penyelidikan metodeologi, ganjaran dan dendaan pembelajaran, stereotaip, mengkategorikan pelajar dalam pendidikan tinggi, kawalan perhatian dan tindakan manusia.

1 Model Respons Kognitif (Kognitif respons Theory)

Satu teori yang cuba menerangkan bagaimana manusia memperoleh dan berubah sikap mereka apabila bertindak ke atas komunikasi berbentuk pemujukan. Teori memberi fokus kepada kenyataan bahawa penerima sesuatu maklumat bukan sekadar memberi tindak balas terhadap maklumat yang diterima, tetapi juga menggerakkan pemikirannya terhadap maklumat tersebut. Apabila seseorang menerima sesuatu perkara, maklumat yang cuba memberi mesej tentang sesuatu perkara, maklumat tersebut akan dihubung kaitkan dengan pengetahuan sedia-ada, menjadikan pemikirannya bertindak balas secara aktif terhadap maklumat yang diterima.

Teori ini mula diambil perhatian oleh Anthony G. Greenwald pada tahun 1930 an. Kajian beliau adalah berkenaan dengan perubahan sikap. Perubahan sikap ini berhubung dengan pembelajaran, persepsi, fungsi dan konsistensi. Keistimewaan teori ini adalah teori ini diambil daripada teori-teori yang lain dan dengan mengumpulkan teori-teori ini, maka muncullah apa yang dikenali oleh Greenward sebagai Kognitif respons

Komponen di dalam Kognitif Respons :

Jika diminta untuk menyenaraikan hasil pemikiran seseorang yang bersesuaian dengan mesej yang diberikan, didapati boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu :

1 Kekutuban

2 Asal

Kriteria Yang Terdapat dalam Kognitif respons Model

Terdapat empat kriteria yang menentukan Kognitif respons Model ini yang membezakannya dengan kajian-kajian yang lain dalam mengkaji sikap. Kriteria- kriteria tersebut ialah :

I Peranan Produksi

II Kajian Multidimensi

i Teori Kualitatif

Kualitatif digunakan untuk menjangkakan sikap sama ada pro atau kontra terhadap sesuatu maklumat dalam mencari struktur dalam pemikiran. Kualitatif melibatkan perangkaan.

ii Teori Berasaskan Ingatan

Apabila manusia berhadapan dengan sesuatu maklumat yang tidak dijangkakan, kognitif akan mencari semula maklumat daripada stor ingatan dan kemudiannya cuba mengaitkannya dengan maklumat yang baru diterima. Pendek kata, ia memberitahu kita apa yang mendesak seorang ketika mereka berdepan dengan situasi yang tidak dijangka dan di desak untuk membuat keputusan terhadap sikap mereka dengan objek –objek. **Teori Berasaskan Ingatan** adalah bertentangan dengan teori pusat maklumat yang mana Pusat maklumat Teori ini cuma menitikberatkan sama ada menerima atau menolak sesesuatu maklumat baru. **Teori Berasaskan Ingatan** mengiktiraf bahawa penerimaan sesuatu maklumat daripada satu teks tertentu adalah aktif dan bukannya pasif.

Implikasi Kognitif respons

Anthony G.Greenwald menghasilkan Kognitif respons pada tahun 1968 dan telah digunakan dalam bidang pengiklanan oleh Peter Wright di dalam bidang pemasaran kerana ia membekalkan pemahaman yang penting tentang pujukan dan lebih-lebih lagi cuba membuat ramalan terhadap gangguan, ulangan dan isu-isu yang terlibat. Peter Wright mendapati bahawa iklan mampu mengubah pemikiran pengguna dan seterusnya mempengaruhi sikap pengguna. Beliau telah menggunakan kaedah lisan dalam kajiannya untuk mengukur kognitif respons terhadap sesuatu iklan itu. Hasil dapatan Peter Wright, beliau menyusun kognitif respons ke dalam tiga kategori iaitu :

KELEMAHAN MODEL KOGNITIF RESPONS

Satu masalah yang ketara dalam Model Kognitif respons ini ialah ia terlalu bergantung kepada teori-teori yang lain. Satu teori tidak cukup untuk menerangkan perubahan sikap seorang dengan berkesan. Terdapat satu perasaan yang menyeluruh bahawa teori ini cuba memahami bagaimana perubahan sikap diperlukan, akan tetapi matlamat itu tidak jelas tercapai. Ia kelihatan tidak mungkin untuk memahami dengan tepat bagaimana sikap berubah dan kemudian juga ia tidak realistik dan diterangkan ke atas semua perubahan sikap.

Selain itu, teori ini sangat bergantung kepada fakta bahawa perubahan dalam sikap adalah sebagai kesan akibat daripada kesedaran dan proses pemikiran yang aktif.

IMPLIKASI KOGNITIF RESPONS MODEL TERHADAP PEMBELAJARAN

1 Pengiklanan

2 Peranan Guru Di Kelas

3 Alat Bantu Mengajar

TEORI PERCANGGAHAN KOGNITIF

Bagaimana seseorang itu tergerak untuk bertindak? Sebenarnya terdapat satu daya dalaman dan proses yang kompleks dalam diri manusia untuk menyumbang ke arah terhasilnya tingkah laku. Kajian telah membuktikan bahawa dalam menghasilkan sesuatu tingkah laku, banyak melibatkan

akal, perasaan, interaksi dengan persekitaran. Proses tersebut melibatkan motivasi, kognitif dan pembelajaran.

Latar Belakang Leon Festinger

Leon Festinger ini dilahirkan Pada 8 Mei pada tahun 1919 dan meninggal pada 11 Februari 1989. Beliau merupakan ahli psikologi sosial yang terkenal dengan Teori Kognitif Ketekalan. Leon Festinger memperoleh Sarjana muda sains dari Kolej Bandar di New York pada tahun 1939. Kemudian beliau memperoleh Ph. D dari Universiti Iowa pada tahun 1942. Semasa di Universiti Iowa, beliau menjalankan kerja penyelidikan akademik di bawah seorang ahli psikologi Jerman bernama Kurt Lewin. Kurt Lewin sebagai mana yang kita ketahui memperkenalkan “Field Theory ” yang mana pada ketika itu telah banyak mempengaruhi kajian Festinger. Selepas menamatkan pengajian Ph. D pada tahun 1942, Leon Festinger mengikut Kurt Lewin ke Kumpulan Dinamik Pusat Penyelidikan di Institut Teknologi Massachusetts dan menjadi penolong pensyarah di situ.

Kajian Leon Festinger

Festinger berjaya menyertai kumpulan berkeagamaan kuat tadi dan menghadiri mesyuarat mereka. Seorang wanita dianggap memiliki kebolehan memberitahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Teorinya meramalkan bahawa kebanyakan penganut agama tidak akan berubah kepercayaan dan idea mereka ke atas wanita tersebut sekiranya ramalan banjir tidak berlaku. Mengikut Teori Percanggahan Kognitif kebanyakan penganut agama akan mempercayai dengan kuat kepada wanita tersebut walaupun wanita tadi telah dibuktikan tanggapan banjirnya adalah salah kemudian. Itu adalah apa yang berlaku dan menjadi kenyataan kemudian. Banyak pengikut –pengikut agama menjual harta dan barang kepunyaan dan ada kalanya meletakkan jawatan kerja mereka untuk menanti ketibaan dunia akhirat ini.

Teori Percanggahan Kognitif

Kognitif Percanggahan adalah keadaan ketidakselesaan atau ketegangan dalam individu tersebut bila individu tersebut berasa dirinya mempunyai idea atau tanggapan yang tidak selaras dengan orang lain. Apabila munculnya situasi percanggahan ini, seseorang itu akan cuba mengurangkan

jumlah ketegangan atau ketidakselesaan dengan mengubah kepercayaan atau mengubah pendapat mereka.

Percanggahan ini mungkin berbentuk percanggahan di antara sikap dengan sikap atau tingkah laku dengan tingkah laku atau sikap dengan tingkah laku. Misalnya, seseorang wanita menentang prejudis (sikap). Dia tidak sukakan pekerja lelaki bekerja di pejabatnya (sikap). Ini merupakan satu “percanggahan” antara sikap dengan tingkah laku. Contoh seterusnya, seorang ingin mengamalkan diet (sikap), tetapi setiap hari dia makan makanan pada kuantiti yang tinggi (tingkah laku). Di sini, kita dapat lihat “percanggahan” antara sikap dengan tingkah laku seseorang. Gangguan seumpama ini akan mendorong seseorang untuk bertindak iaitu kenyataan yang bertentangan dengan kepercayaan dan tingkah lakunya. Bila seseorang diganggu dan didorong untuk bertindak, proses pembelajaran berlaku.

Empat bidang Kajian Percanggahan Kognitif Oleh Festinger

Leon Festinger (1957) dalam bukunya *A Theory of Cognitive Percanggahan* membincang tentang empat bidang sebagai sokongan ke atas teorinya.

1 Percanggahan pos keputusan

2 Pematuhan Paksaan

3 Pendedahan kepada Informasi.

4 Sokongan

Kesimpulan

Teori Percanggahan Kognitif adalah tidak selaras di antara dua atau lebih pendapat atau idea. Percanggahan boleh memotivasikan tingkah laku atau mengubah pendapat seseorang. Kajian Festinger menunjukkan pendapat dan kepercayaan boleh diubah untuk memadai pelbagai situasi sosial. Berdasarkan pada prinsip-prinsip asas tentang Percanggahan kognitif bolehlah dikatakan bahawa berlakunya ketakserasian apabila wujudnya dua pemikiran atau kognitif yang bercanggah. Percanggahan ini hanya boleh dikurangkan melalui perubahan sikap dan tindakan, mencari sokongan kognitif orang lain atau menolak segala ketakserasian yang dianggap tidak

EORI PERKEMBANGAN KOGNITIF

Ahli psikologi Eropah telah lama mengenal pasti asas pembentukan mental dan hubungannya dengan perkembangan kognitif manusia. Mereka menyarankan bahawa minda memainkan peranan penting dalam aspek perkembangan yang dilalui oleh manusia.

Latar Belakang Jean Piaget

Piaget merupakan seorang ahli biologi yang cukup terlatih. Beliau berasal dari Switzerland dan telah menggunakan model biologi untuk menghuraikan perkembangan kognitif manusia. Pada pandangan Piaget, minda boleh berkembang, berubah dan dapat mengadaptasi masalah yang berlaku apabila berinteraksi dengan persekitaran. Piaget dan ahli psikologi kognitif sering kala dikenal sebagai ahli struktur disebabkan mereka mementingkan struktur pemikiran manusia (Gardner, 1973).

Di usia remajanya beliau berminat dalam bidang biologi dan epistemologi iaitu suatu bidang ilmu dalam bidang falsafah yang banyak membicarakan tentang perkembangan dan perolehan pengetahuan manusia. Latar belakang beliau ini memberikan banyak sumbangan kepada bidang psikologi yang mula diceburi oleh Piaget setelah beliau bekerja dengan Binet untuk membentuk ujian kecerdasan mental. Semasa bekerja dengan Binet, Piaget tidak berminat untuk melihat hasil jawapan betul yang diberikan oleh kanak-kanak, tetapi beliau lebih berminat untuk melihat pola-pola yang ditunjukkan oleh kanak-kanak apabila mereka memberikan sumbangan pengetahuan bagaimana proses pembentukan pemikiran berkembang di kalangan kanak-kanak.

Jadual 1: Konsep-Konsep Asas Berhubung Dengan Teori Kognitif Piaget

Konsep	Takrif
Skemata	Struktur kognitif yang berubah untuk mengadaptasikan maklumat baru
Asimilasi	Penerimaan maklumat baru sebagai selaras dengan skemata sedia ada
Akomodasi	Pengubahsuaian skemata yang ada bagi menerima maklumat baru
Keseimbangan	Gabungan proses asimilasi dan adaptasi yang membantu dalam keseimbangan terhadap pengetahuan, kepercayaan dan pengalaman.

Piaget mengatakan tiap-tiap kanak-kanak mempunyai corak perkembangan mereka yang bersendirian. Dengan sebab itu, kanak-kanak yang di dalam sesuatu darjah itu bukan sahaja berlainan peringkat kebolehan mereka tetapi juga berlainan kecepatan perkembangan kognitif mereka. Piaget berpendapat bahawa perkembangan kognitif itu berlaku dengan berperingkat-peringkat dan peringkat yang lebih awal adalah mustahak bagi perkembangan peringkat-peringkat yang berikutnya kerana peringkat-peringkat yang lebih awal itu menjadi asas bagi perkembangan yang berikutnya.

Tahap-Tahap Perkembangan Mental

Piaget mendapati kemampuan mental manusia muncul di tahap tertentu dalam proses perkembangan yang dilalui. Beliau telah membahagikan perkembangan kognitif kepada empat tahap mengikut urutan umur. Tahap-tahap perkembangan itu ialah :

- 1) Tahap Sensori Motor atau deria motor (sejak dilahirkan - 2 tahun)
- 2) Tahap Pra Operasi (2 tahun - 7 tahun)
- 3) Tahap Operasi Konkrit (7 tahun - 11 tahun)
- 4) Tahap Operasi Formal (11 tahun - 15 tahun)

Teori Erikson

Seorang tokoh lagi yang bernama Eric Erikson berpendapat bahawa kehidupan manusia adalah melalui lapan tahap psikososial yang berkembang dari tahap ke tahap seterusnya dengan mempunyai ciri-ciri berlawanan di tahap-tahap tertentu. Pada setiap peringkat bayi, kanak-kanak, zaman bermain, sekolah, remaja, awal dewasa dan tua terdapat konflik sosial yang akan diatasi untuk perkembangan seterusnya.

Yang paling jelas dari hasil kajian Erikson ialah individu merupakan individu yang dinamik dan bukan statik dan dia mempunyai identiti tersendiri. Ini jelas kelihatan di tahap pertama Erikson ialah kepercayaan berlawanan ketidakpercayaan. Erikson berpendapat darjah kepercayaan bayi bergantung kepada nilai jagaan dan pemeliharaan ibu bapa atau orang lain yang menjaganya. Jika kehendak-kehendak bayi dipenuhi seperti mendapat makanan, minum, perhatian dan kasih sayang, dia akan memperoleh harapan untuk terus hidup. Sebaliknya, jika tidak, bayi berkenaan akan tidak dapat mempercayai orang di sekitarnya dan akan menjadi

defensif serta akan cuba melindungi dari persekitaran yang tidak memberangsangkannya. Ini bercanggah dengan pendapat Jean Piaget di mana beliau berpendapat kanak-kanak pada setiap tahap mempunyai perkembangan tertentu

Jadual 2: Teori Eric Erickson dan Tahap Psikososial

Tahap	Keadaan Sosial	Ekoran Psikososial
1. Lahir hingga 1 tahun	Sokongan, pemberian keperluan asas, ada kesinambungan hidup.	Mempercayai
	Kekurangan sokongan, penafian, tidak konsisten.	Tidak mempercayai
2. 2 hingga 3 tahun	Mengendalikan sendiri dan sokongan.	Kebebasan
	Perlindungan yang berlebihan, kekurangan sokongan dan keyakinan	Keraguan
3. 4 hingga 5 tahun	Galakan, peluang sendiri, bertanya	Inisiatif
	Tiada peluang, perasaan negatif	Perasaan bersalah
4. 6 hingga 11 tahun	Kemahiran diri, pendidikan yang cukup dan produktif, menjadi model yang baik	Kerajinan
	Kurang latihan, arah dan sokongan.	Rendah diri
5. 12 hingga 19 tahun	Kestabilan dalaman yang berterusan, kefahaman mendalam mengenai model seks, mendapatkan maklum balas positif.	Identiti
	Kekeliruan tujuan, maklum balas yang kurang jelas, kurang memahami ekspektasi.	Kekeliruan peranan
6. Awal hingga 20 hingga 35	Meluaskan kemesraan, persefahaman, mempercayai.	Kemesraan
	Kesunyian	Pengasingan
7. 36 hingga 55 tahun	Tujuan hidup, produktiviti	Kebolehan menghasilkan sesuatu
	Kekurangan perkembangan diri	Terhenti
8. 55 tahun ke atas	Perasaan mesra, perpaduan, berarah	Kesempurnaan hidup
	Kurang kesempurnaan, ketidakpuashatian.	Putus harapan

Implikasi Teori Piaget Dalam Pengajaran & Pembelajaran

Satu lagi pandangan tentang cara manusia belajar dan memperoleh pengetahuan ialah secara. Penggerak utama Kognitivisme adalah Jean Piaget. Idea utama

Kognitivisme adalah *perwakifan mental*. Semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui Kognitivisme struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema akan menentukan bagaimana data dan maklumat ini secocok dengan skema yang ada, maka murid akan menyerap maklumat tersebut ke dalam skema ini. Sekiranya tidak secocok dengan skema yang ada, maklumat ini mungkin ditolak atau diubah suai atau skema akan diubah suai.

Bertitik tolak daripada pandangan kognitivisme ini maka lahirlah satu pandangan tentang cara manusia belajar iaitu secara Konstruktif. Mengikut Konstruktif, pengetahuan dibina secara aktif oleh murid yang berfikir. Murid ini tidak menyerap secara pasif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh gurunya, sebaliknya murid akan menyesuaikan sebarang maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baru dalam mindanya dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya.

Teori Konstruktif

Dalam buku Anita E woolfolk, Piaget menganggap pembelajaran sebagai satu proses konstruktif kerana individu dikehendaki menyusun semula pemahaman dan minda mereka terlebih dahulu.

Turut penting dalam memahami fahaman konstruktif adalah keupayaan seorang yang berbeza dari segi penggunaan otak kiri atau otak kanan bagi membentuk pelajar yang Global atau Analitik.

Jadual 3: Teori Fungsi Otak Terbelah Dua (R. Sperry & Ornstein (1969)

KAWALAN OTAK KIRI	KAWALAN OTAK KANAN
Bahasa	Pola
Nombor	Bentuk
Fakta/logik	Imaginasi
Urutan/linear	Dimensi
Analisa	manipulasi/globalisasi
Lirik	Rentak
Bukti	penerokaan idea
Objektif	Subjektif
Tersurat	Tersirat

Kecenderungan Analitik	Kecenderungan global
------------------------	----------------------

Jadual 4: Ciri-ciri pelajar global atau Analitik :

Pelajar Analitik	Pelajar Global
Belajar sendiri	belajar bersama rakan sebaya
Suka belajar dalam cahaya terang	suka belajar dalam cahaya samar
Makan selepas selesai kerja	Makan semasa kerja
Kedudukan belajar formal	Kedudukan belajar tidak formal
Lakukan kerja satu per satu	Lakukan beberapa kerja serentak

Fahaman konstruktif adalah pendapat mengenai pembelajaran sebagai persepsi individu berdasarkan pengalamannya jika berbanding dengan fahaman objektiviti yang berpendapat mengenai pembelajaran sebagai aktiviti penerimaan pengetahuan secara mutlak.

Jadual 5: Perbezaan Fahaman Objektiviti dan Konstruktif

FAHAMAN OBJEKTIVITI	FAHAMAN KONSTRUKTIF
Pengetahuan wujud secara bebas dan bersifat mutlak	Pengetahuan tidak bersifat mutlak, fahaman hanyalah persepsi maklumat yang diterima
Pengetahuan boleh dipindah dari seorang secara pakej.	Pengetahuan tidak dapat dipindah kerana setiap manusia mempunyai persepsi tersendiri
Pembelajaran adalah proses penerimaan pengetahuan secara pakej.	Pembelajaran mempunyai perkaitan dengan struktur kognitif, pembentukan skemata, asimilasi, adaptasi dan equilibrium
Guru sebagai sumber ilmu utama.	Guru hanya pemudah cara kepada pencapaian ilmu pengetahuan.
Pengajaran bertujuan menyalurkan ilmu pengetahuan dari guru kepada murid.	Pengajaran bertujuan menyusun dan membina konsep dan pengalaman murid semua mempunyai keupayaan yang sama untuk mentafsir sesuatu maklumat
Semua murid dianggap mempunyai tafsiran yang sama dengan guru terhadap apa yang disampaikan oleh guru.	Setiap individu mempunyai persepsi yang berlainan terhadap apa yang diajar berdasarkan pengalaman masing-masing.
Mempunyai kata putus tentang apa yang harus diketahui oleh murid.	Guru perlu mengubah peranan mengikut pengalaman dan kefahaman murid
murid diuji untuk mengetahui sama ada mereka dapat merekodkan dan mentafsir	Murid diuji untuk mengetahui tahap kefahaman dan cara merangka mengendalikan maklumat

maklumat seperti mana yang diharapkan oleh guru.	yang diterima.
Murid dianggap bijak apabila mereka memberi respons yang diharapkan oleh guru.	Murid dianggap bijak apabila mereka memberi respons yang konstruktif terhadap apa yang dibimbing oleh guru walaupun respons itu di luar tahap kefahaman guru.
murid dianggap sebagai pengawal disiplin dan penguat kuasa peraturan pembelajaran.	Guru dianggap sebagai pengurus kelas yang menangani masalah disiplin murid yang berbeza bagi menyesuaikan mereka dengan tahap kefahaman masing-masing.
Guru tidak mengharapkan apa-apa pertambahan ilmu atau peningkatan kefahaman tentang bidang yang diajar hasil interaksi dengan murid.	Guru turut meningkatkan kefahaman tentang bidang yang diajar hasil interaksi dengan murid.

Rumusan

Teori perkembangan ini telah sedikit sebanyak memberi panduan kepada guru dan juga ibu bapa tentang perkembangan yang dilalui oleh seseorang kanak-kanak dan setiap kanak-kanak adalah berbeza dari segi perkembangan kognitifnya yang kemungkinan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti baka, persekitaran, makanan, kecerdasan dan sebagainya.

Teori perkembangan ini telah sedikit sebanyak memberi panduan kepada guru dan juga ibu bapa tentang perkembangan yang dilalui oleh seseorang kanak-kanak dan setiap kanak-kanak adalah berbeza dari segi perkembangan kognitifnya yang kemungkinan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti baka, persekitaran, makanan dan sebagainya.